



Majlis Perasmian Kompleks Makmal KUKUM



Tanggal 21 Mei 2004 telah menjadi satu tarikh bersejarah bagi warga KUKUM apabila Kompleks Makmal KUKUM yang terletak di Kompleks Perindustrian Kuala Perlis yang telah pun beroperasi selama lebih kurang setahun yang lalu telah sempurna dirasmikan. Upacara perasmian tersebut telah disempurnakan oleh DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor KUKUM. Ketibaan DYMM Tuanku Canselor dan DYT M Raja Puan Muda Perlis telah disambut oleh dif-dif kehormat negeri dan warga KUKUM.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah pelajar-pelajar dari beberapa buah sekolah menengah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi di Negeri Perlis seperti Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran MARA, Kolej Komuniti dan Maktab Perguruan Perlis.

Selapas sahaja upacara perasmian, satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman MOU telah diadakan di antara Pusat Kerjasama Industri KUKUM dengan pihak industri iaitu Perlis Essentials Oil Sdn. Bhd. (PEO), Permintex Research & Development Sdn. Bhd. dan Yokogawa Kontrol (Malaysia) Sdn. Bhd. yang bertujuan untuk memperluas dan memperkukuh hubungan KUKUM dengan industri.

Seterusnya DYMM Tuanku Canselor dan DYT M Raja Puan Muda Perlis serta tetamu yang hadir telah dibawa melawat ke sekitar kawasan Kompleks Makmal. Antara makmal yang dilawati ialah Makmal CAD/CAM dimana di makmal ini ditempatkan lathe machine, grinding machine dan willing machine serta latihan lukisan kejuruteraan konvensional. Selain itu terdapat arc welding, gas welding dan pemasangan domestic (wiring) di Bengkel Mekanikal. Di kompleks ini juga terdapat Bilik Pameran Robocon 2004 dimana robot yang dicipta untuk ke Pertandingan Robocon di SIRIM (awal Mei 2004) dipasang dan diuji disini. Semasa lawatan, pegawai yang bertugas menunjukkan demonstrasi robot tersebut.



Makmal-makmal lain yang terdapat di kawasan kompleks ini termasuklah Makmal Fabrikasi Litar Bersepadu (PCB) dan Makmal Semikonduktor. Di Makmal Fabrikasi Mikroelektronik atau dikenali sebagai *clean room* digunakan untuk kerja-kerja amali bagi subjek Teknologi Proses Semikonduktor dan Fabrikasi Mikroelektronik. Makmal ini merupakan makmal pengajaran pertama di negara ini yang dibina di dalam bilik bersih (*clean room*). Dengan keluasan seluas 1,200 kaki persegi, bilik ini dapat menampung 15 pelajar pada satu-satu sesi makmal. Ia terbahagi kepada tiga kelas iaitu Kelas 100, Kelas 1,000 dan Kelas 10,000. Makmal ini dilengkapi dengan peralatan pembelajaran Modu-Lab yang terdiri daripada modul pengoksidaan, modul fotolitografi, modul-modul resapan (jenis-n dan jenis-p), modul endapan wap fizikal, modul punaran basah dan modul pengujian fizikal.



Selain itu, Tuanku Canselor serta tetamu juga dibawa melawat ke Makmal Mekanik Kejuruteraan di mana makmal ini menyediakan bahan-bahan untuk kegunaan pelajar bagi mendapatkan pendedahan tentang fenomena dinamik, tindakan daya, moment inertra dan pelbagai jenis bentuk dan struktur kejuruteraan dalam keadaan statik. Makmal ini dapat menampung sejumlah 40 orang pelajar pada satu-satu masa amali. Lawatan berakhir di Makmal Teknologi Pembuatan di mana ia menyediakan bahan-bahan mengenai proses pembuatan serta teknologi pembuatan. Makmal ini dibina khusus untuk para pelajar yang mengambil subjek Pengajian Kejuruteraan Pembuatan.

Kemudahan makmal yang disediakan di KUKUM diharap dalam melancarkan proses pembelajaran dan pengajaran berteraskan konsep *lab intensive* yang diamalkan dan secara tidak langsung mampu melahirkan jurutera yang berkemahiran tinggi dan mampu menjana ketamadunan dunia.

